

Headline	JTLM Pahang sediakan unjam, elak pemancing di taman laut		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	37	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	195 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,326
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,979



JTLM Pahang sediakan unjam, elak pemancing di taman laut

PULAU TIOMAN - Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) Pahang meletakkan 15 unjam di lima lokasi berbeza sebagai langkah menghalang pelancong atau penduduk tempatan memancing di kawasan taman laut.

Unjam yang diletakkan di sempadan kawasan taman laut sejauh lebih 2 batu nautika dari pulau itu adalah lokasi yang dipilih berdasarkan permintaan penduduk.

Pengarahnya, Mohd Fazli Long, berkata, jumlah unjam di setiap lokasi dari Kampung Asah ke Kampung Salang itu tidak sama dan ia berfungsi sebagai rumah ikan bagi menarik kumpulan ikan yang besar.

"Unjam yang disediakan ini melibatkan kos sebanyak RM120 ribu melalui permohonan dengan Tabung Amanah Taman Laut dan sumber tabung ini pula dari hasil kutipan fi pemuliharaan taman laut yang dikenakan kepada pelancong luar dan tempatan sebelum menaiki feri ke pulau.

"Inisiatif ini antaranya bertujuan menjadikan ia sebagai lokasi memancing rekreasi bagi penduduk dan pelancong," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, kesemua 15 unjam itu berbeza dengan tradisional yang diperbuat daripada pelepas kelapa dan tidak tahan lama.

Dalam tempoh tiga bu-

lan unjam tradisional boleh hancur manakala yang jenis baharu itu menggunakan *nylon wrapping tape* dan direka menyerupai pelepas kelapa.

"Jika maklum balas yang kita terima positif dan dilihat ada keperluan, kita akan tambah dan pilih lokasi lain bergantung kepada peruntukan yang ada," katanya.



Pasukan JTLM Pahang ketika menurunkan unjam di salah satu lokasi di sempadan perairan taman laut di Pulau Tioman.